




KESEPAKATAN
RESOLUSI



KESEPAKATAN

RESOLUSI

Bersempena dengan Prapelanncaran Sambutan Separuh Abad ABIM pada 27 Mac 2021, maka Sidang Kemuncak Bangsa Malaysia 2021 menggariskan resolusi, seperti berikut:



KESEPAKATAN

RESOLUSI

1 Menginsafi bahawasanya pembinaan bangsa Malaysia mempunyai sejarahnya tersendiri yang perlu digali dan dicerana untuk diterjemah semula kepada warga dan khalayak seluruhnya;




KESEPAKATAN

RESOLUSI

Sidang Kemuncak
**Bangsa
Malaysia**

2 Menyedari bahawa, pemahaman terhadap sejarah dan latar belakang identiti bangsa perlu diwujudkan dalam kalangan rakyat, bagi mengembalikan nilai hidup bersama dalam budaya damai, agar terus relevan sebagai bangsa yang yang ramah dan inklusif, tanpa menggadaikan prinsip-prinsip sejagat berteraskan semangat Perlembagaan Persekutuan;






KESEPAKATAN

RESOLUSI

Sidang Kemuncak
**Bangsa
Malaysia**

3 Menyeru kepada reformasi intelektual dalam menyemarak kefahaman negara bangsa, dengan menyedari tanggungjawab sebagai hamba Tuhan Yang Maha Esa, yang berperanan untuk menyebarkan kebaikan dengan hikmah, bercitra cosmopolitan, yang dijalin melalui pengutuhan aspek idealisme, aktivisme, dan spiritualisme yang berorientasikan nilai dan etika;






KESEPAKATAN

RESOLUSI

Sidang Kemuncak
**Bangsa
Malaysia**

4 Menyedari bahawa reformasi dalam bentuk siasah kepolitikan sebagai suatu keperluan mendesak, khususnya dalam mewujudkan agen-agen pendukung agenda kesatuan Bangsa yang mampu mengelola dasar dan kegiatan signifikan demi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang bangsa Malaysia seterusnya merealisasikan gagasan ini secara terancang.





KESEPAKATAN

RESOLUSI

Sidang Kemuncak
**Bangsa
Malaysia**

5 Bertekad untuk mendukung agenda Bangsa Malaysia sebagai gerakan penyelesaian secara inklusif terhadap permasalahan-permasalahan yang dihadapi, melalui proses pemupukan dan kesatuan nilai yang menampilkan citra bangsa yang bermaruah, mandiri, saling berdaya, bantu membantu serta komitmen melestari kehidupan warga menerusi prinsip pembangunan mampan.

